



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11 October 2015

Bank digalakkan tumpu sektor PKS: PM

BH-11/10/2015

» Institusi kewangan perlu dorong pengeksporth berkembang

Oleh Petah Wazzan Iskandar
Wazzan@bh.com.my

Kuala Lumpur



Najib bergambar bersama penerima Anugerah Usahawan SME Bank ketika hadir ke Majlis Ulang Tahun Ke-10 Penubuhan SME BANK dan Anugerah Usahawan SME BANK 2015 di Menara FELDA, Kuala Lumpur. [FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH]

Datuk Seri Najib Razak berharap bank dapat memberi perhatian lebih kepada sektor Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang mampu mengeksporth barangan masing-masing.

Perdana Menteri berkata, ia kerana sumbangan eksport penting kepada ekonomi negara, sekali gus memerlukan institusi kewangan memberikan tumpuan kepada sektor berkenaan.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, bank perlu memberi dorongan kepada pengeksporth kerana bidang itu memberi sumbangan ke-

pada kadar pertumbuhan negara.

"Saya ingin tegaskan betapa pentingnya bidang eksport diberi tumpuan terutama dalam penilaian SME Bank kerana akses kepada pembiayaan sangat penting yang boleh sebabkan pengusaha PKS berkembang dan berjaya atau menghadapi rintangan yang serius.

ngan yang serius.

Insentif tambahan "Sektor PKS adalah sektor utama kerana ia mewakili 98 peratus dari syarikat di negara ini, ia membabitkan 550,000 syarikat. Cuba bayangkan signifikan sektor PKS ini," katanya.

Justeru, Najib berkata, beliau

akan memikirkan insentif tambahan kepada sektor PKS dalam bajet akan datang dalam dalam usaha kerajaan mentransformasikan ekonomi negara.

Beliau berucap sempena ulang tahun ke-10 penubuhan SME Bank dan Anugerah Usahawan SME Bank 2015 di Menara FELDA di sini malam tadi.

Yang hadir sama, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Pengerusi SME Bank, Tan Sri Faizah Mohd Tahir.

Najib berkata, beliau berharap sektor PKS lebih berdaya saing dan inovatif berikutan dasar kerajaan yang membolehkan perkembangannya secara konsisten.